12 OGOS 2021

TATABAHASA (KESALAHAN BAHASA DAN EJAAN)

Latihan Set 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu ***kesalahan bahasa***. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disedikan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i. Jasa ibu bapa yang telah mendidik kita terlalu besar sungguh dan tidak dapat dinilai dengan harta.

ii. Sultan Azlan Shah telah bersetuju untuk menganugerahkan pingat kebesaran kepada rakyat yang layak sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-60.

iii. Puan Haiza tidak turut serta dalam majlis hari jadi di rumah Puan Jamilah kerana dia telah membuat temu janji dengan doktor.

iv. Buah mangga yang masak ranum itu kami telah petik.

Jawapan :

i----------

ii----------

iii----------

iv----------

Latihan Set 2

i. Anwar mengambil masa dua setengah jam untuk menyiapkan lukisan pemandangan di tepi pantai itu.

ii. Bahan-bahan lain yang mereka bawa untuk menyertai perkhemahan perdana badan beruniform itu ialah makanan, minuman, dan pakaian mandi.

iii. Pemandangan pada waktu senja di kawasan pergunungan ialah pemandangan yang amat tercantik.

iv. Walaupun harga makanan yang dijual di Ahmad Maju Restoran agak mahal, tetapi makanan di restoran itu sedap.

i----------

ii----------

iii----------

iv----------

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS